



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

**GARIS PANDUAN
POTONGAN CUKAI DUA KALI DI BAWAH
SEKSYEN 34B
AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967
(TAHUN 2024)**

Nama Garis Panduan : Garis Panduan Potongan Cukai Dua Kali di bawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967	
No. Daftar	: UPNM(TNCPI) 14.04/01 Jilid 2 (8)
Diluluskan oleh	: Lembaga Pengurusan Universiti
Tarikh Kuat Kuasa	: 21 Mac 2024

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengiktiraf Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebagai “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” di bawah Seksyen 34(B) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuatkuasa 1 Januari 2022 – 31 Disember 2026 dan boleh diperbaharui.
- 1.2 Insentif atau potongan cukai ini bertujuan memberi galakan kepada industri dalam menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di samping memberi galakan kepada aktiviti penjanaaan bagi tujuan penyelidikan melalui insentif pengecualian ini.
- 1.3 Sehubungan itu, syarikat/agensi swasta yang menyumbang dana untuk sebarang aktiviti penyelidikan di UPNM layak dipertimbangkan untuk mendapat potongan cukai dua kali (DTD) tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 1.4 Potongan DTD untuk:
 - a) sumbangan kepada Institut penyelidikan yang diluluskan; atau
 - b) bayaran penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan, atau syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat penyelidikan dan pembangunan kontrak.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi melaksanakan prosedur permohonan insentif pengecualian cukai bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan UPNM.
- 2.2 Garis panduan ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama melalui perolehan geran penyelidikan dengan pihak syarikat/agensi swasta dalam menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi menghasilkan penemuan baharu atau menyelesaikan isu yang telah dipersetujui di samping menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan kuantiti penyelidikan di UPNM.
- 2.3 Garis panduan ini juga menerangkan prosedur permohonan insentif pengecualian cukai bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan di UPNM.

3.0 TAKRIFAN

3.1 Institut Penyelidikan Yang Diluluskan

Suatu institut, termasuk syarikat yang dilesenkan di bawah Seksyen 45 Akta Syarikat 2016, yang diluluskan oleh Menteri untuk terutamanya menjalankan penyelidikan dalam industri yang dinyatakan dalam kelulusan dan untuk mengkomersialkan manfaat penyelidikan itu.

3.2 Penyelidikan dan pembangunan

Apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian tersebut untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil, atau proses, **tetapi tidak termasuk:**

- a) Kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
- b) Penyelidikan dalam sains sosial atau kemanusiaan;
- c) Pemungutan data rutin;
- d) Kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- e) Penyelidikan pasaran atau promosi jualan;
- f) Pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran; atau
- g) Pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.

3.3 Penyelidik

Individu yang menjalankan penyelidikan.

3.4 Universiti

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

4.4 Pemberi Dana

Individu, kumpulan individu, organisasi kerajaan atau swasta yang memberi dana untuk melakukan penyelidikan kepada staf Universiti.

5.0 DOKUMEN BERKAITAN

Dokumen yang dirujuk sama adalah seperti berikut:

- a) Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan
- b) Pekeliling Perbendaharaan
- c) Glosari Malaysia Research Assessment (MyRA)
- d) Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR)
- e) Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak (LHDN).
- f) Ketetapan Umum No.5/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I - Aktiviti

- Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak.
- g) Ketetapan Umum No.6/2020 bertajuk Layanai Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II - Potongan Khas.

6.0 SYARAT

- 6.1 Syarikat yang ingin menikmati faedah di bawah pelepasan ini hendaklah mengemukakan hasrat tersebut secara bertulis kepada BPI.
- 6.2 Penyelidik menerima sumbangan daripada syarikat/agensi swasta pemberi dana berdaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia dan bermastautin di Malaysia untuk menjalankan kajian penyelidikan sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 6.3 Peruntukan dana penyelidikan yang diperolehi hendaklah disalurkan ke akaun Universiti dan ditadbir urus oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI).
- 6.4 Jumlah minimum sumbangan oleh syarikat/agensi swasta adalah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM 10,000.00)
- 6.5 Penyelidikan dan pembangunan hendaklah berfokus kepada:
- apa-apa kajian sistematik atau intensif yang bersifat *novelty*;
 - khas untuk bidang Sains dan Teknologi; atau
 - hasil kajian untuk pengeluaran atau peningkatan bahan, peranti, produk, atau pemprosesan
- 6.6 Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini tidak dibenarkan untuk:
- kawalan kualiti atau ujian rutin terhadap bahan, peranti, produk atau hasil;
 - penyelidikan dalam sains sosial atau kemanusiaan;
 - koleksi data rutin;
 - tinjauan kecekapan atau kajian pengurusan; dan
 - penyelidikan pasaran atau promosi jualan
- 6.7 Perbelanjaan yang boleh diberi DTD hendaklah yang bukan berbentuk perbelanjaan modal (pembelian aset) dan dilakukan khusus bagi tujuan penyelidikan.
- 6.8 Bagi penyelidikan kontrak yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang berkhidmat di Universiti hendaklah mempunyai dokumen perjanjian yang dimeterai antara Universiti dengan syarikat/agensi swasta pemberi dana.

7.0 PELAKSANAAN

- 7.1 Bagi penyelidikan kontrak yang memenuhi syarat pada para enam (6) hendaklah mengemukakan dokumen berikut ke BPI:
- Kertas Cadangan Penyelidikan
 - Dokumen perjanjian yang dimeterai antara Universiti dengan syarikat/agensi swasta pemberi dana

- 7.2 Manakala, bagi syarikat yang ingin menikmati faedah di bawah pelepasan ini hendaklah mengemukakan hasrat tersebut secara bertulis kepada BPI.
- 7.3 BPI melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan mengeluarkan surat makluman kepada penyelidik/syarikat dan sesalinan kepada Bendahari Universiti.

8.0 PERATURAN KEWANGAN

- 8.1 Prosedur perolehan/pembelian/perbelanjaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.

9.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa daripada tarikh kelulusan LPU atau sebarang tarikh yang ditetapkan oleh LPU.

10.0 PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai untuk semua staf Universiti

Rekod Kelulusan		Kelulusan Kajian Semula
LPU	Bil. 1/2024 – 21 Mac 2024	
EXCO	Bil. 1/2024 - 18 Januari 2024	
Senat	113 Bil. 4/2024 – 21 Jun 2024	
JPIU	Bil 4/2023 – 22 Disember 2023	

LAMPIRAN – CARTA ALIR PERMOHONAN POTONGAN DTD



